

BAB DUA

KEHIDUPAN KELUARGA RESPONDEN

Bab ini membincangkan tentang kehidupan responden sebelum menjalani hukuman penjara. Perbincangan akan melihat latar belakang kediaman, pendidikan, pekerjaan, pendapatan, anak dan kedua-dua suasana keharmonian dan kerenggangan pasangan sesama mereka dan dengan orang luar.

Segala maklumat dan aspek-aspek yang akan dibincangkan di dalam bab ini adalah berdasarkan kepada rujukan rekod responden serta temu bual dengan 104 orang responden banduan dan isteri responden.

2.1. KEDIAMAN

Berdasarkan maklumat responden, didapati sebanyak 80.8% (84 buah) keluarga tinggal di kawasan perbandaran di Kuala Lumpur seperti Keramat, Cheras, Kampung Baru, Kampung Kerinci, Segambut, Sentul, Selayang, Setapak dan Bukit Damansara. Sementara di Selangor pula kawasan yang menjadi tumpuan keluarga ialah Petaling Jaya, Gombak, Sungai Pencala, Pekan Lama Petaling Jaya, Sungai Way, Kampung Medan, Kampung Lindungan Subang Jaya dan Bandar Baru Bangi.

Selain itu, 19.2% keluarga tinggal di kampung kampung di daerah Sepang, Morib, Sungai Merap, Tanjung Sepat, Bukit Bangkong dan kawasan Pelabuhan Kelang.

Dari segi tempat tinggal keluarga responden dapat dibahagikan kepada tiga bentuk. Sebanyak 78.8% (82 buah) keluarga tinggal dalam bentuk neolokal, sejumlah 10.6% keluarga bercorak patrilokal dan 10.6% buah keluarga tinggal secara martilokal. Dari pada 82 buah keluarga tinggal secara neolokal, sebanyak 70.7% (58 buah) keluarga menyewa dan 29.3% keluarga tinggal di rumah sendiri. Untuk keluarga tidak mempunyai rumah sendiri, mereka menyewa di kawasan setinggan, rumah teres, rumah kampung, rumah pangsa dan pangsapuri.

2.2. PENDIDIKAN

Kebanyakan suami dan isteri mempunyai latar belakang pendidikan hampir sama. Namun begitu, ada juga yang tidak bersekolah langsung akibat kemiskinan yang dialami. Seramai 12.1% isteri dan 11.5% suami tidak pernah bersekolah. Sejumlah 28.8% suami bersekolah rendah berbanding dengan isteri iaitu 35.4%. Seramai 32.6% suami dan 28.1% isteri mempunyai kelulusan dalam Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Hanya 8.3% isteri memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berbanding dengan suami iaitu 24.0% orang. Hanya seorang isteri dan seorang suami sahaja mempunyai

Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Sementara 1.9% suami lulusan universiti.

Berdasarkan Jadual 2.1 mengenai pendidikan 96 pasangan isteri dan suami, didapati peratusan pasangan yang mempunyai kelulusan yang setaraf adalah besar. Di peringkat sekolah rendah sebanyak 60.7%, peringkat SRP pula 43.8%, dan kelulusan SPM 85.7%. Ini menunjukkan pasangan yang berkelulusan lebih cenderung mencari pasangan yang sama taraf bagi membina hidup mereka.

Jadual 2.1 Taraf Pendidikan Suami Dan Isteri

Pendidikan suami	Pendidikan isteri				
	Tidak Bersekolah	Sekolah Rendah	SRP	SPM	STPM
Tidak Bersekolah (N=11)	90.9%	9.1%	-	-	-
Sekolah Rendah (N=28)	25.0	60.7	14.3%	-	-
SRP (N=32)	29.9	31.3	43.8	-	3.1%
SPM (N=22)	11.1	22.7	36.4	85.7	-
STPM (N=1)	-	-	-	-	100.0
Sarjana Muda (N=2)	-	-	-	50.0	50.0

2.3. PEKERJAAN DAN PENDAPATAN

Dari segi pekerjaan didapati seramai 54.1% (52 orang) isteri bekerja. Pekerjaan yang dilakukan oleh mereka ialah sebagai operator pengeluaran di kilang 18.8% (18 orang), menjadi buruh estet 7.3%, pekerja am di hotel 9.3%, kerani di pejabat 6.2%, berniaga 8.3%, sebagai pembantu rumah 3.1% dan pengurus butik seramai 1.0% .

Isteri yang berniaga kebanyakannya secara kecil-kecilan, iaitu menjual makanan dan minuman di pasar malam dan pasar tani, membuka kedai runcit dan kedai makanan di rumah mereka. Seramai 37.5% daripada golongan isteri ini berkongsi perniagaan bersama suami. Mereka yang bekerja ini lulusan SRP, SPM dan Darjah 6. Pekerjaan yang dilakukan oleh mereka adalah bersetujuan dengan kelulusan yang mereka miliki.

Berdasarkan kepada Jadual 2.2, mengenai taraf pendidikan isteri dengan pekerjaan, didapati isteri yang tidak bersekolah lebih cenderung menjadi suri rumah, berniaga dan bekerja di estet berbanding dengan isteri yang mempunyai kelulusan SRP, SPM, dan sekolah rendah.

Hanya seorang isteri sahaja yang berkelulusan SPM bekerja sebagai pengurus butik di sebuah kompleks membelah yang terkenal di Kuala Lumpur. Sejumlah 66.5%

daripada kumpulan isteri yang bekerja di pejabat mempunyai kelulusan sekolah rendah. Mereka ini bertugas sebagai buruh am di pejabat swasta dan kerajaan.

Jadual 2.2 Pekerjaan Isteri Berdasarkan Pendidikan Isteri

Pendidikan \Pekerjaan	Sekolah Rendah	SRP	SPM	STPM	Tidak Bersekolah
Pengurus Butik (N=1)	-	-	100.0%	-	-
Kerja Kilang (N=18)	38.9%	27.8%	33.3	-	-
Kerja Estet (N=7)	42.9	28.6	14.3	-	14.3%
Berniaga (N=8)	25.0	12.5	25.0	-	37.5
Kerja Hotel (N=9)	11.1	22.2	33.3	-	33.3
Pembantu Rumah (N=3)	33.3	66.7	-	-	-
Kerja Pejabat (N=6)	66.7	-	16.7	16.7	-
Surirumah (N=44)	36.4	31.8	2.3		29.5

Sebelum dijatuhkan hukuman penjara, seramai 98.0% orang suami mempunyai pekerjaan tetap dan hanya 2.0% tidak bekerja. Bidang pekerjaan suami dapat dibahagikan kepada 6 sektor. Pertama ialah sektor pengurusan dan pertadbiran, kerjaya dalam sektor ini adalah sebagai pengarah syarikat bank dan pengarah syarikat pengangkutan, pengurus syarikat perumahan dan peguam. Terdapat 3.8% suami yang bekerja dalam bidang ini. Kedua sebagai peniaga, daripada kajian ini didapati 23.1% suami lebih berminat

menceburि bidang perniagaan. Daripada jumlah ini 12.5% suami bernesaga secara besar-besaran. Seorang membuka kedai perabot, seorang membuka restoran dan seorang lagi bernesaga kereta terpakai. Sementara 87.5% lagi menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan iaitu bernesaga pakaian di pasar malam, menjual pakaian terpakai, barang-barang runcit, makanan, minuman, buah-buahan dan barang basah seperti daging ayam, lembu dan kerbau.

Perniagaan ini mereka kendalikan secara bersendirian, berkongsi dengan keluarga atau berkongsi dengan kawan-kawan. Sebanyak 12.5% suami berkongsi peniagaan dengan isteri, 8.3% berkongsi dengan keluarga dan 16.6% berkongsi dengan kawan-kawan. Sementara 62.5% lagi bernesaga bersendirian.

Sektor ketiga ialah sebagai anggota pasukan seragam, yang terdiri daripada polis, tentera dan pengawal keselamatan. Sebanyak 6.7% bekerja sebagai pengawal keselamatan. Mereka bertugas di bank, kedai emas dan kilang-kilang sekitar Wilayah Persekutuan dan Shah Alam. Keempat ialah kumpulan pemandu, iaitu pemandu bas awam dan bas persiaran, teksi dan lori. Kelima ialah kumpulan kerja kampung seperti nelayan, petani dan pekebun. Keenam, kumpulan yang bekerja sebagai buruh dan pekerja kilang.

Sebanyak 16.3% suami bekerja kontrak iaitu sebagai buruh binaan, buruh lebuh raya dan buruh ladang. Sejumlah 8.7% suami bekerja kilang di Petaling Jaya dan Shah Alam, iaitu 7 orang sebagai operator pengeluaran dan 2 orang sebagai penyelia.

Bagi kumpulan yang bekerja kampung, selain daripada menjadi nelayan dan petani, mereka juga bekerja sebagai penoreh getah, pemungut buah kelapa sawit dan membekalkan hasil kampung kepada peniaga tempatan.

Bidang pekerjaan yang diceburi oleh suami ini amat bersesuaian dengan pendidikan yang mereka miliki. Jadual 2.3 menunjukkan pekerjaan dalam sektor perburuhan, kerja kampung dan kerja sendiri adalah menjadi daya tarikan kepada kumpulan yang mempunyai pendidikan rendah dan yang tidak bersekolah langsung. Ini amat tepat sekali kerana pekerjaan tersebut tidak memerlukan kemahiran yang berasaskan pendidikan yang tinggi.

Jadual 2.3 Pekerjaan Suami Berdasarkan Pendidikan Yang Diterima

Pendidikan \ Pekerjaan	Sekolah Rendah	SRP	SPM	STPM	Ijazah	Tidak Bersekolah
Pengurusan (N=4)	-	-	25.0%	-	75.0%	-
Pasukan Beruniform (N=3)	-	66.7%	33.3	-	-	-
Pemandu (N=11)	27.3%	18.2	45.5	-	-	9.1%
Kerja Sendiri (N=27)	22.2	48.1	22.2	-	-	7.4
Buruh (N=52)	30.8	36.5	23.1	-	-	9.6
Kerja Kampung (N=5)	60.0	-	-	-	-	40.0
Tidak Bekerja (N=2)	50.0	-	-	-	-	50.0

Tahap pendidikan yang diterima ini mempengaruhi kehidupan kita. Ketua keluarga yang mempunyai kelayakan akademik yang memuaskan sudah pasti mampu mendapat pekerjaan yang baik dan tetap. Seterusnya memperolehi ganjaran yang lumayan untuk menyara keluarga masing-masing. Pada dasarnya pendidikan dan pekerjaan yang tidak memuaskan akan mendatangkan kesan kepada keluarga baik dari segi ekonomi mahupun sosial (Kua 1975; Rook 1991; Zimmerman 1992).

Dari segi pendapatan pula pendapatan isteri yang tertinggi dalam sebulan ialah RM1500 dan terendah RM50. Sementara bagi suami pula, pendapatan yang terendah adalah RM100 sebulan dan tertinggi ialah RM13,000 sebulan. Berdasarkan kepada Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan

Malaysia Keenam, garis kemiskinan bagi Semenanjung Malaysia pada tahun 1993 ialah RM405 sebulan bagi isi rumah 4.8 orang. Berdasarkan kajian ini terdapat 49.0% keluarga miskin dan 51.0% keluarga yang di atas garis kemiskinan. Jadual 2.4 menggambarkan peratusan pendapatan keluarga responden.

Jadual 2.4 Pendapatan Keluarga

Pendapatan	Bilangan Keluarga	Peratusan (%)
RM 50 ke 200	18	17.3
RM201 ke 400	33	31.7
RM401 ke 600	16	15.4
RM601 ke 800	21	20.2
RM800 ke 1000	6	5.8
RM1000 ke atas	10	9.6
Jumlah	104	100.0

Sejumlah 81.3% (36) dari keluarga yang miskin hidup dalam keadaan seperti kata pepatah, "Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang". Keluarga yang miskin mempunyai keperitan hidup yang tersendiri. Mereka terpaksa menghadapai keadaan yang meruncing khususnya untuk menyekolahkan anak-anak, membayar sewa rumah, elektrik, air dan membekalkan makanan serta pakaian untuk anggota keluarga. Mereka terpaksa berjimat cermat kerana mereka tidak mempunyai banyak wang dan hanya mampu berbelanja kurang daripada RM200 sebulan untuk perbelanjaan dapur.

Keadaan semakin rumit dan perit apabila suami tidak bekerja dan mempunyai tabiat yang tidak baik seperti suka berjudi, minum arak, kaki perempuan dan menghisap dadah.

Anak-anak yang bersekolah memerlukan perbelanjaan yang banyak untuk wang saku, duit buku, tambang bas dan duit aktiviti sekolah. Wang ini mesti disediakan oleh ibu bapa supaya anak-anak mampu belajar dengan sempurna.

Sementara itu keluarga yang berada di atas garis kemiskinan tidak menghadapi masalah sebagaimana keluarga yang miskin. Mereka menikmati kemewahan dan kehidupan yang selesa. Perbelanjaan harian dan keperluaan anak-anak dapat diberikan secukupnya. Daripada keluarga yang mempunyai pendapatan lebih daripada RM1000 sebulan, terdapat 5 buah keluarga yang mempunyai pendapatan antara RM5000-RM13000 sebulan. Responden 1982/92 yang berpendapatan RM13000 sebulan memberitahu bahawa dia memberi RM50 sehari kepada isterinya untuk berbelanja. Anak-anak yang bersekolah diberi wang saku setiap hari sebanyak RM3 seorang untuk sekolah pagi dan sekolah agama dan duit belanja ais krim dan gula-gula sebanyak RM1 seorang. Anak yang tidak bersekolah diberi RM2 sehari.

Pada zahirnya amat jelas keluarga yang senang dan mewah ini dapat menikmati hidup dengan lebih baik berbanding dengan keluarga miskin. Apabila sumber kewangan mencukupi sudah pasti perkara yang diingini dapat mereka

miliki dan dapat mengelakkan daripada berlaku ketegangan dalam keluarga (Bassis, Gelles & Levine 1982; Shryock 1949; Zimmerman & Chilman 1988).

2.4 MUTU HUBUNGAN DALAM KELUARGA

Perbincangan dalam bab ini diteruskan dengan melihat mutu kehidupan keluarga responden. Dalam memperkatakan aspek ini, kita akan bahagikannya kepada dua. Pertama, keluarga harmoni dan kedua, keluarga yang renggang. Aspek keharmonian dan kerenggangan ini diketengahkan untuk menjelaskan lagi suasana keluarga responden apabila ketua keluarga menjalani hukuman penjara nanti. Kedua aspek ini diukur berdasarkan kepada hubungan suami dan isteri sahaja.

2.4.1 Keluarga Harmoni

Keluarga yang harmoni adalah keluarga yang mempunyai ciri-ciri seperti kestabilan emosi, prihatin terhadap anggota keluarga, sahsiah ahli keluarga yang matang dan mantap, mempunyai nilai dan falsafah hidup yang jelas lagi teguh (Dickinson & Leming 1990; Duvall 1977; Nye & Berando 1973;). Terdapat beberapa corak perhubungan dalam perkahwinan. Antaranya ialah 'Vital relationships' dan 'Total relationships' yang menggambarkan keharmonian dan kestabilan hubungan dalam rumah tangga (Cuber & Harroff 1973).

Dalam kajian ini, 56 pasangan terdiri daripada 80.3% (45) keluarga Melayu, 5.4% (3) keluarga Cina dan 14.3% (8) pasangan India telah memberitahu bahawa kehidupan mereka sekeluarga berada dalam keadaan aman damai. Keharmonian mereka terserlah dengan hubungan intim, sikap tolong menolong antara satu sama lain, berkongsi masalah dan bertolak ansur. Kepuasan hati mereka dengan perkahwinan juga menyebabkan keluarga ini berada dalam keadaan harmoni.

Ciri harmoni yang ada dalam rumah tangga adalah merangkumi aspek zahir dan batin. Seorang isteri yang gembira dengan perkahwinannya adalah isteri yang mempunyai sikap yang terbuka, hubungan dengan suami adalah berbentuk tolak ansur dan tidak bersikap pasif terhadap perkahwinan mereka (Kephart & Jedlicka 1988; Koller 1974). Sementara suami yang gembira dengan perkahwinan akan menunjukkan emosi yang stabil, yakin, bertolak ansur, aktif dan mempunyai sifat tanggungjawab dalam hubungan seksual.

Hubungan yang intim wujud apabila pasangan suami isteri sentiasa berusaha memelihara keadaan rumah tangga mereka daripada sebarang masalah (Kephart & Jedlicka 1988). Suami isteri menolong antara satu sama lain dalam mengendalikan urusan rumah tangga. Misalnya saling menguruskan persekolahan anak-anak dan melakukan urusan rumah tangga seperti membeli belah dan membantu di dapur

apabila ada masa terluang. Ini secara langsung menyemarakkan suasana harmoni dalam rumah tangga.

" Saya buat kerja bersama isteri saya. Dia tidak pandai masak. Saya yang uruskan anak-anak. Tugas dia melayan saya dan kami amat mesra. "

(Kenyataan responden 43000/89)

Sikap tolong menolong dalam rumah tangga sebenarnya dapat mengeratkan lagi hubungan suami isteri. Ini bererti si suami atau si isteri memahami bebanan yang dipikul oleh pasangan masing-masing. Kemesraan yang dipupuk setiap hari mewujudkan suasana rumah tangga yang harmoni (Goode 1982). Apabila seluruh fungsi dalam keluarga iaitu fungsi ekonomi, pendidikan, keagamaan, perlindungan, hiburan, pemberian status dan seksual dapat dijalankan dengan baik, sudah pasti keluarga akan berada dalam keadaan yang terurus dan tenang (Murdock 1949; Yaacob Harun 1991).

Perasaan cinta yang menjadi dasar perkahwinan bagi 85.7% pasangan keluarga harmoni juga mempengaruhi suasana dalam rumah tangga mereka. Pilihan pasangan oleh diri sendiri telah membuatkan responden berusaha mengekalkan ketenteraman dan kebahagiaan rumah tangga. Dalam konteks keluarga harmoni ini, 79.2% pasangan berkahwin atas dasar cinta telah mendapat tentangan daripada keluarga. Oleh itu mereka terpaksa memastikan perkahwinan mereka bahagia sebagai bukti kepada ibu bapa

masing-masing bahawa pilihan mereka adalah tepat. Sementara perkahwinan atas dasar cinta oleh 17.8% pasangan lagi mendapat restu daripada ibu bapa. Perkahwinan yang direstui ini adalah satu perkara yang amat penting dalam mengekalkan kebahagiaan rumah tangga (Hutter 1981; King 1969; Koller 1974; Lee & Lee 1970; Saxton 1972). Pilihan ibu bapa juga membantu 14.2% pasangan mengekalkan kestabilan rumah tangga. Masing-masing berpuas hati dengan sikap pasangan yang mereka miliki.

Sudah menjadi lumrah bahawa suami isteri yang tinggal dengan mertua terpaksa menghadapi tekanan. Sebanyak 9.0% suami isteri tinggal secara matrilokal dan 3.5% pasangan keluarga tinggal mengikut bentuk patrilokal. Pasangan yang tinggal dengan mertua mesti berusaha mengelakkan berlakunya perbalahan dengan mertua (Broman 1993; Nye & Berando 1973; Waller 1951). Dalam konteks keluarga harmoni ini terdapat 87.5% (49) pasangan suami isteri ini tinggal bersendirian sama ada menyewa atau tinggal di rumah sendiri. Mereka tidak tinggal dengan ibu bapa atau mertua kerana ingin menunjukkan bahawa mereka mampu berdikari dan tidak mahu ibu bapa dan mertua campur tangan dalam urusan rumah tangga mereka. Selain itu, tinggal berasingan ini akan memudahkan mereka mengendalikan hidup mereka sendiri (Duvall 1977; Landis & Landis 1948).

Mereka juga memastikan hubungan dengan mertua dan ibu bapa masing-masing dipelihara dengan baik. Perasaan sayang dan hormat itu amat tebal di hati mereka. Ini disebabkan mertua mereka tidak pernah menganggu keadaan rumah tangga mereka dan sentiasa menghulurkan bantuan apabila mereka memerlukan dan sebaliknya. Hubungan keluarga harmoni juga baik dan mesra dengan pihak lain seperti adik beradik jiran, kawan dan ipar (Duvall 1977).

Berdasarkan kepada hubungan kekeluargaan, 53.8% keluarga yang harmoni ini mempunyai hubungan yang harmoni dan mesra dengan ibu bapa masing-masing. Kemesraan dengan ibu bapa terserah apabila suami menjelaskan bahawa ibu bapa mereka mengambil berat tentang diri mereka sejak kecil hingga mereka berkahwin. Ibu bapa menjaga dan mengasuh mereka dengan penuh keikhlasan dan mendidik, memberi dorongan dan bantuan sama ada dari segi material ataupun moral sepanjang mereka dibesarkan hinggalah mereka berkahwin.

Anak adalah penyeri dalam keluarga serta pengikat kasih sayang yang sedia wujud dalam hubungan suami isteri. Oleh itu hubungan rapat dengan anak-anak amat penting. Seramai 96.4% keluarga harmoni mempunyai anak. Jumlah anak yang mereka miliki adalah di antara seorang hingga tujuh orang. Mereka mempunyai hubungan yang sangat mesra dengan anak-anak masing-masing. Kasih sayang ibu bapa

terhadap anak-anak ini akan membolehkan anak hidup dalam keadaan yang harmoni dan gembira (Marsden 1969; Furutan 1980; Pratt 1979). Anak juga telah menyebabkan suami membantu isteri semasa isteri mengandung. Kasih sayang suami bukan sahaja kepada anak malah kepada isteri kerana memberikannya zuriat.

Selain daripada faktor kasih sayang, keharmonian rumah tangga juga mempunyai hubungan yang erat dengan kestabilan ekonomi dalam rumah tangga. Pekerjaan yang tetap dan sumber pendapatan yang mencukupi sudah sememangnya menyamin kehidupan berkeluarga (Aldous & Tuttle 1988; Duvall 1977; Zimmerman 1992). Kesempurnaan dalam rumah tangga khususnya dari segi keperluan fizikal turut mempengaruhi keharmonian dalam rumah tangga 92.9% keluarga harmoni (Fergusson, Harwood & Beautrais 1983).

Namun begitu, 7.1% daripada keluarga harmoni tidak mempunyai kelebihan dari segi kemewahan wang ringgit dan fizikal tetapi keharmonian tetap wujud dalam hubungan rumah tangga mereka. Ini sebab sifat kasih sayang, pandai berbelanja, bertolak ansur antara satu sama lain telah menyebabkan rumah tangga mereka bahagia. Bagi mereka wang bukanlah perkara yang mutlak untuk menjamin keharmonian rumah tangga (Hof & Miller 1983; Mace & Mace 1977).

Keharmonian dalam rumah tangga yang berkekalan sebenarnya memberi banyak manfaat kepada seluruh isi rumah tersebut. Fungsi keluarga yang dapat dijalankan dengan baik akan mewujudkan suasana yang tenteram dalam rumah tangga. Kestabilan rumah tangga juga akan melahirkan individu yang mempunyai emosi yang stabil, mempunyai keyakinan diri serta bertanggung jawab terhadap diri dan keluarga (Farrel & Barness 1993).

2.4.2 Keluarga Renggang

Dalam kehidupan berkeluarga sudah pasti ada masalahnya. Menurut Cuber dan Harroff (1973), terdapat tiga corak hubungan yang menggambarkan keadaan tegang dan kerenggangan dalam keluarga. Pertama hubungan yang 'Conflict-Habituated' iaitu hubungan suami isteri yang penuh dengan konflik dan tekanan; kedua 'Devitalized Relationships' yang bermaksud suatu hubungan yang tidak mempunyai bermakna dan hambar. Suasana sebegini dalam keluarga adakalanya bertahan kerana suami isteri mempunyai kepentingan tersendiri misalnya tentang anak, harta atau status keluarga. Ketiga ialah hubungan 'Passive-Congenial' yang bererti satu hubungan yang agak stabil tetapi terdapat sedikit konflik khususnya dalam hubungan dengan orang luar dan juga individu yang sama jantina.

Sikap suka bergaduh, bertengkar, berleter, memarahi dan mendera isteri, kurang kasih sayang, tidak bertolak ansur, tidak memahami perasaan pasangan, sering meminta sesuatu di luar kemampuan pasangan dan mempunyai tabiat yang tidak sihat seperti pemabuk, menggunakan dadah, dan mencuri adalah antara faktor yang menyebabkan berlakunya kerenggangan dalam rumah tangga (Coleman & Cressey 1991; Olsen 1991; Shryock 1949).

Dalam kajian ini 46.1% (48) pasangan yang terdiri daripada 45.8% (22) keluarga Melayu, 18.7% (9) keluarga Cina dan 35.4% (17) India menghadapi masalah ketegangan rumah tangga. Keadaan ini bukan sahaja mempengaruhi rumah tangga mereka malahan menjelaskan hubungan suami isteri dengan anak-anak dan kaum kerabat mereka.

Persoalan memilih pasangan hidup mempunyai pengaruh dalam merenggangkan hubungan suami isteri dengan keluarga masing-masing. Daripada 46.1% keluarga yang renggang ini, 56.2% daripada mereka berkahwin atas dasar cinta dan 43.8% pasangan berkahwin dengan pilihan keluarga masing-masing. Bagi pasangan yang berkahwin atas dasar cinta, mereka sudah tidak dapat mengekalkan kemesraan seperti masa mereka bercinta. Sementara yang berkahwin kerana pilihan keluarga sering menyalahkan keluarga kerana

pilihan itu tidak sesuai dengan diri masing-masing. Apabila sikap sebegini berterusan, ia menyebabkan pasangan tidak dapat hidup dengan tenang.

Sikap suami isteri yang gagal berinteraksi dengan baik ('breakdown of communication') melahirkan salah fungsi keluarga ('malfunctioning family') (Landis & Landis 1948; Marsden 1969; Nye & Berardo 1973). Mereka gagal menyediakan keperluan fizikal serta rohaniah kepada keluarga dan seterusnya melahirkan rumah tangga yang kucar-kacir. Secara langsung ini akan menjadikan kestabilan emosi pasangan dan boleh berakhir dengan penderaan kepada anak dan isteri.

Ketua keluarga yang tidak bekerja menambah perasaan tidak puas hati isteri terhadap suami. Keadaan bertambah menekan apabila suami melibatkan diri dengan dadah, arak dan judi (Tonry & Wilson 1990). Dalam konteks keluarga renggang ini, terdapat 4.1% keluarga yang mempunyai hubungan renggang kerana ketua keluarga enggan bekerja, sebaliknya meminta wang daripada isteri untuk membeli dadah dan arak.

" Perbelanjaan kami sekeluarga adalah begitu sakit sekali. Saya seorang sahaja bekerja. Saya bermiaga makanan dan aiskrim. Makanan yang buat di rumah dihantar ke dua buah kedai makanan di Ulu Klang. Saya jual aiskrim di rumah. Pendapatan kurang daripada RM150 itu terpaksa saya ikat perut. Anak saya dua orang. Kedua-duanya bersekolah. Saya simpan seringgit sehari untuk anak saya. Saya rasa kalau suami saya bekerja kami taklah seteruk sebegini "
(Kenyataan isteri NO 3572/92)

" Suami saya....tidak pernah bekerja. kalau dia kerja pun tak lama punya. Dia kaki botol, main judi. Dia tak fikir kami anak beranak. saya kerja tukang cuci. Dia gaji saya dia selalu ambil buat joli..."

(Kenyataan isteri NO 1729/92)

Selain itu, 16.6% orang isteri mengadu suami sering bertukar kerja, menyebabkan adakalanya suami mereka terpaksa mengganggur. Lantaran itu, isteri menjadi tertekan dan tambahan pula isteri tidak bekerja dan mereka mempunyai anak yang ramai.

Sikap suami yang suka memukul isteri telah menyebabkan ketegangan hubungan antara 37.5% isteri dengan suami masing-masing. Kesan parut di muka dan tangan isteri yang didera oleh suami amat jelas kelihatan. Daripada 18 orang isteri (37.5%), 10 orang (20.8%) bersuamikan penagih dadah, 10.4% (5) mempunyai suami yang kaki botol dan 6.3% (3) orang bersuamikan penagih dadah, kaki judi dan kaki botol.

" Saya tahu suami saya penagih dadah bila malam pertama saya bersama dia. Badannya menggil dan berpeluh-peluh. Hati saya sedih, namun saya teruskan perkahwinan dengan harapan dia berubah tetapi ternyata tidak. Hidup dengannya amat menyedihkan. Tengok ni...parut di muka kakak, dia pukul kakak dengan botol...."

(Kenyataan isteri NO.5748/90)

" Kakak anak dara tua, terpikat dengan abang seorang polis ketika itu. Bila abang dipecat daripada polis kerana dadah kakak tak percaya. Tapi bila nampak dengan mata kepala kakak barulah kakak yakin. Kakak rasakan janji Abang untuk berhenti hisap dadah itu benar....rupanya tidak. Kami hidup dalam tegang sentiasa..."

(Kenyataan isteri NO.2874/92)

" Saya berkahwin dengan sepupu saya. Saya tahu dia penagih dadah. Saya pernah tengok dia hisap depan saya. Mak Saudara saya tegah saya kahwin dengan anaknya kerana takut saya kesal. Tapi saya kahwin juga. Dia mengamuk bila tak dapat dadah, tapi mengamuk dengan barang-barang, dengan saya dan anak tak pernah. Ni...anak saya cacat kerana dadah....saya rela."

(Kenyataan isteri NO.1765/91)

" Perkahwinan adik dengan suami adalah atas dasar suka sama suka. Adik tahu dia menagih dadah namun adik amat menyayangi dia, dia mengambil berat tentang adik, dia tak pernah pukul adik, dia sayang adik sebab itu adik rasa adik tak akan tinggalkan dia, memang adik yakin dia akan berhenti tapi hingga sekarang dia masih menagih, dia menagih sejak tingkatan 4 lagi. Adik tak tahu apa nak cakap. Walaupun dia hisap dadah tapi dia tetap suami adik. Susah senang kami bersama. "

(Kenyataan isteri NO.23092/92)

" Inilah dikatakan jodoh.....abang baik sebenarnya tapi dengan fikirannya yang lurus betul bendul itu menyebabkan abang jadi begini. Tengoklah kakak hidup macam mana sekarang. Kakak tahu abang tu hisap dadah, tapi kakak ingat dia nak berhenti bila kahwin sebab dia dah janji nak berhenti, tapi dua tahun lepas kahwin mulalah jumpa kawan-kawan dia, hisap balik....Mak ayah kakak suruh kakak cerai, tapi kakak tak sanggup, kesihan pula tengok abang tu. "

(Kenyataan isteri NO.404/91)

" Masa saya kahwin dengan suami saya saya baru berumur 18 tahun, saya sekolah sampai tingkat 3. Semasa awal-awal berkahwin suami saya tidak mahu tidur dengan saya. Mertua saya kata suami saya tak berapa sihat. Dia selalu duduk dan tidur dalam bilik berasingan. Hampir seminggu macam tu....Lama-lama saya tak sabar, saya masuk dalam bilik tu, tengok semua alat-alat yang ada. Saya tahu itu dadah...saya meraung, sedih dan kesal kerana tertipu. Mak mertua kata nanti suami saya akan dibawa berubat.

Lepas tu hantar ke pusat pemulihan, balik menagih lagi..Saya pindah duduk asing, suami saya lebih maharajalela dia pukul saya, pukul anak saya...tengok tu anak saya cacat tu..semua kerana benda jadah tu.."

" Mak bapa dan keluarga saya...suruh cerai, nak tau...kalau minta cerai saya mesti diterajang keluar rumah. Nak bunuh anak saya...Biarlah...Anak tu penting untuk saya. Saya...minta doa dia mati dilanggar lori lagi baik. "

(Kenyataan isteri NO.2410/92)

Terdapat satu pasangan yang mengalami ketegangan dalam hubungan mereka apabila siisteri menunjukkan perasaan benci kepada suami. Menurut responden NO 3380/92:

" Sejak malam pertama perkahwinan kami, isteri saya sudah buat perangai hingga kini. Dia mula dingin dengan saya. Puas saya berubat tetapi tidak berhasil. Kami selalu bertengkar...Kami tinggal serumah, tapi tidur berasingan. Oleh itu saya mencari jalan keluar daripada masalah ini dengan dadah dan arak ".

Keadaan yang dibincangkan ini meninggalkan kesan negatif terhadap keluarga. Secara langsung dalam jangkamasa panjang ini, fungsi dan struktur keluarga berubah dan seterusnya menjaskan sosialisasi dan tahap kesihatan

keluarga. Suasana sebegini rupa akan menjadi satu model keluarga yang tidak sihat kepada anak-anak.

Dalam konteks keluarga renggang ini, 93.7% keluarga tinggal secara neolokal, 4.2% keluarga corak kediamannya patrilokal dan 2.1% mengikut bentuk matrilokal. Keluarga yang tinggal bersendirian, dapat berdikari tetapi dalam hal ini ada juga suami yang menggunakan kesempatan ini untuk tidak bekerja, mendera isteri dan melepaskan tanggungjawabnya kepada isteri (Gelles 1977).

Kerenggangan juga boleh berlaku kerana ada campur tangan daripada anggota keluarga yang lain. Tinggal dengan mertua ataupun dengan ibu bapa sendiri bukanlah satu perkara yang mudah. Adakalanya kekeruhan rumah tangga timbul apabila mertua atau pasangan tidak puas hati dengan layanan yang diberikan oleh menantu atau mertua, dan juga tiada kerjasama serta sikap bertolak ansur antara menantu dengan mertua (Fromme 1971; Murphy 1985: Nye & Berando 1973; Shryock 1949).

Masalah yang utama dalam tahun pertama perkahwinan adalah hubungan dengan mertua dan ipar duai masing-masing. Ibu mertua dan kakak ipar adalah dua golongan yang sering menimbulkan gangguan dalam perkahwinan. (Nye & Berando 1973).

Hubungan tegang dan renggang antara menantu dan mertua sering kali timbul kerana kegagalan menyesuaikan diri antara satu sama lain. Hubungan yang 'passive-congenial' telah menimbulkan konflik bagi kedua-dua pihak. Setiap ibu bapa inginkan anak mereka bersuami ataupun beristerikan insan yang berkeperibadian terpuji. Adanya ibu bapa yang campur tangan dalam rumah tangga anak dan mencari kesalahan menantu menjadi punca ketegangan hubungan menantu dan mertua yang sedikit sebanyak akan mewujudkan kekeruhan dalam rumahtangga mereka (Fromme 1971; Jarrett 1994).

Sikap menantu yang tidak sopan sudah pasti dibenci oleh mertua. Misalnya menghisap dadah dan minum arak. Didapati suami yang menjadi penagih dadah lebih dibenci dan sukar diterima oleh mertua. Seorang mertua (kepada responden NO 468/92) yang kebetulan turut serta memberi pandangan semasa temu bual bersama anaknya menjelaskan sebagai ibu kepada anak perempuan, dia amat terkilan dengan menantunya yang menghisap dadah sebelum jadi menantu beliau. Jika diketahui menantunya itu menghisap dadah, sudah pasti perkahwinan itu tidak dilakukan. "*Sekarang apa nak buat lagi, nasi sudah jadi bubur. Cucu sudah ada dua*".

Kenyataan di bawah menunjukkan betapa marahnya bapa yang bermenantu responden yang mempunyai tabiat yang tidak sihat.

" Pak Cik akan bunuh dia, kalau dia balik...Pak Cik marah betul dengan dia kerana dia hisap dadah, minum arak dan main judi. Anak dia dah empat belas tahun, anak perempuan pula tu, dia tak kisah. Pak Cik takut, nanti anak jadi mangsa bapa...."

(Kenyataan mertua responden NO 5361/90)

" Pak Cik rasa keluarga Pak Cik ditipu, bisan saya kata, anak lelaki mereka kerja pegawai bank...seminggu kahwin nampak biasa sahajalah..Tapi yang Pak Cik hairan dia duduk dalam bilik air satu hingga dua jam...lama sangat....Lepas tu bila keluar rumah waktu pagi, tengahmalam baru balik....Satu hari dia sakit....mengigil-gigil, kita bagi dia mandi, dia mengamuk. Pak Cik, dah syak ada benda yang tak kena...satu pagi Pak Cik tendang pintu bilik air sebab dah lama sangat dia duduk di dalam...nampak dia tengah khayal....

(Kenyataan mertua responden NO 540/92)

Berkaitan dengan hal ini, terdapat 31.2% suami dan 10.4% isteri yang mempunyai hubungan yang renggang dengan ibu bapa mereka. Keadaan ini berpunca daripada sikap ibu bapa yang tidak prihatin terhadap anak-anak sejak mereka kecil sehingga anak mereka berumah tangga. Peristiwa ibu bapa berkahwin sekali lagi selepas kematian salah seorang pasangan, perceraian, kesibukan dalam mengejar kekayaan, terlalu memberi kebebasan terhadap anak dan merasakan wang itu merupakan satu elemen yang utama sebagai bukti kasih sayang menyebabkan kerenggangan dalam hubungan

anak dan ibu bapa (Dominian 1968; Kephart & Jedlicka 1988; Rodgers 1973).

Keadaan seperti ini membuatkan suami khususnya, mencari jalan keluar cara tersendiri iaitu jalan yang dirasakan baik untuk dirinya. Penglibatan dengan dadah, berkawan dengan rakan-rakan yang tidak senonoh, dan mengikut nafsu bagi memenuhi kehendak diri adalah impak daripada kurangnya perhatian daripada keluarga khususnya ibu dan bapa (Greif 1985; Klosinski 1993). Oleh itu, apabila mereka berkahwin, sikap bertanggungjawab mereka terhadap keluarga tidak dilaksanakan.

" Hubungan I dengan my parents tidaklah begitu baik sejak I kecil. My parents orang besar mereka sibuk. I membesar dengan orang gaji I. Mereka lebih sayang I daripada my parents. I diberi wang dengan banyak setiap hari.... lama-lama I jadi jahatlah....."

(Kenyataan responden NO 6648/90)

" Mak saya tidak pernah larang saya buat apa sahaja. Saya bebas....Mak dan abah sayang dengan saya kerana saya anak bongsu....Siapa tegur atau marah saya....pasti mereka akan marah balik kepada orang itu....sekarang lihat apa sudah jadi...."

(Kenyataan responden NO 542/90)

Hubungan yang tegang dengan jiran, adik beradik, kawan dan ipar adalah berpunca daripada sikap suami atau isteri yang gagal berkomunikasi dengan mereka. Akibat daripada sikap suami yang kaki botol, kaki judi dan penagih dadah telah menyebabkan 54.1% isteri menyisihkan diri

mereka daripada orang lain kerana isteri merasakan mereka adalah keluarga yang jahat (Peelo et.al 1991). Sikap suami yang mencuri di sekitar kampung kerana tidak mempunyai wang untuk membeli dadah telah menyebabkan keluarga ini dibenci oleh jiran tetangga.

Ketiadaan anak juga boleh menyebabkan kerenggangan suami-isteri (Folkman & Clatworthy 1970). 16.7% isteri memberitahu, mereka sering dihina oleh suami masing-masing kerana tidak dapat melahirkan anak. Ada juga suami yang menyalahkan diri sendiri kerana gagal memperolehi zuriat. Di kala itu, suami akan bertindak liar seperti melibatkan diri dengan dadah, arak, judi dan pelacur. Sikap suami yang mengalihkan pandangan kepada perkara yang lain dan menimbulkan konflik kepada isteri seringkali menimbulkan perbalahan dan pertengkaran.

Terdapat 6.2% suami yang telah berkahwin lagi semata-mata untuk mendapat zuriat dan seorang suami menggunakan perkhidmatan pelacur untuk memuaskan hatinya apabila mengetahui bahawa dirinya yang mandul, bukan isterinya. Menurut isteri responden NO.3059/90, suaminya berubah laku apabila kedua-dua anak yang dilahirkan meninggal dunia. Keadaan bertambah buruk apabila bapanya meninggal dunia. Si suami yang tidak kuat mengawal emosi telah hilang pertimbangan dan akhirnya melakukan hubungan

sulit dengan seorang kerani dan terbabit dengan najis dadah. Akibatnya suami dibuang kerja dan ditahan oleh polis.

Tabiat dan sikap negatif yang diamalkan oleh suami dan isteri ini telah mewujudkan satu hubungan yang tidak sihat di dalam keluarga ini. Kerenggangan yang berterusan merupakan satu impak yang mengganggu-gugatkan keadaan keluarga. Keharmonian yang diharapkan sudah tidak dapat diwujudkan lagi kerana sikap terlalu mementingkan diri sendiri telah memusnahkan keutuhan rumah tangga yang dibina oleh keluarga ini. Kegagalan responden berkomunikasi dengan mertua, ipar duai dan masyarakat sekitar telah menambah kerenggangan dalam keluarga. Seterusnya membentuk serak berai dalam fungsi keluarga dan seperti perbidalan Melayu 'Pecah menanti sebab retak menanti belah'.

2.5 KESIMPULAN

Keadaan keluarga bagi responden-responden yang ditemui bual mempunyai ciri yang tersendiri. Keluarga yang harmoni hidup dengan teratur dan menjalinkan hubungan sosial dengan anggota keluarga terdekat secara akrab. Sikap suami yang menagih dadah, kaki botol dan kaki judi dan isteri yang tidak melayan suami dengan baik adalah antara faktor yang menyebabkan kepincangan dalam rumah tangga.

Keadaan bertambah tertekan apabila mereka tidak mendapat sokongan dan bantuan moral daripada ibu bapa dan mertua. Kehidupan berumah tangga yang bermasalah ini telah mendorong pelbagai aktiviti yang tidak sihat.

Apabila fungsi keluarga sudah tidak dapat dijalankan dengan teratur, maka rumah tangga yang sepatutnya menjadi ejen sosialisasi yang sihat kepada isi rumah bertukar corak. Isteri dan suami yang tidak mampu melaksanakan tanggungjawab masing-masing akan menggagalkan rumah tangga yang mereka bentuk. Ini secara langsung membantutkan perkembangan rohani dan jasmani isi rumah untuk menjadi warga yang sihat dan positif.

Ketidakfungsian keluarga secara langsung mengancam institusi keluarga yang dianggap sebagai syurga kepada pasangan suami isteri yang berkahwin. Hanya keadaan harmoni dan aman akan menghasilkan kehidupan berkeluarga yang sebenarnya, tetapi bagi keluarga yang mempunyai hubungan yang renggang dan bermasalah sudah pasti rumah mereka adalah neraka dunia.